

FATWA TENTANG HUKUM ZAKAT KE ATAS FIRMA-FIRMA DAN SYARIKAT KONSULTAN

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 31(1) dan seksyen 32 Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam 1989 [En. 2/1989], Mufti bagi Negeri Selangor, selepas berbincang dengan Jawatankuasa Perunding Hukum Syara', membuat fatwa seperti yang dinyatakan dalam Jadual.

- (1) Mengikut Kamus Dewan edisi baru Dewan Bahasa & Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia Kuala Lumpur 1991, hal. 651 Konsultan bermaksud pakar runding, iaitu khidmat pakar runding bagi sesuatu projek yang akan dilaksanakan oleh sesuatu pihak.
- (2) Wajib zakat bagi firma-firma dan syarikat konsultan yang memiliki syarat-syarat wajib zakat.
- (3) Ini adalah berdasarkan hujjah seperti berikut:
 - 3.1 Para ulama' dari kalangan Sahabat, Tabiin dan Fuqaha' telah bersepakat mengatakan bahawa pemilik-pemilik syarikat perniagaan dan perkhidmatan adalah wajib mengeluarkan zakat apabila mencukupi syarat-syaratnya. Pendapat tersebut berdasarkan ayat al-Quran Surah

Al-Baqarah ayat 267 iaitu:

- (a) Firman Allah S.W.T

Maksudnya:

“Wahai orang-orang yang beriman hendaklah kamu membelanjakan harta kamu yang baik-baik iaitu hasil daripada yang kamu usahakan dari harta-harta yang kami keluar untuk kamu dari bumi.”

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَنْفِقُوا مِنْ طَيِّبَاتِ مَا كَسَبْتُمْ وَمِمَّا
أَخْرَجْنَا لَكُمْ مِنَ الْأَرْضِ

(Al-Baqarah: ayat 267)

Para ulama' menafsirkan perkataan كَسَبْتُمْ

Dengan erti “berbagai usaha halal yang dilakukan oleh manusia” sama ada usaha perniagaan, perindustrian, pertanian dan sebagainya. Tidak kira usaha itu dilakukan secara perseorangan atau syarikat.

- (b) Dalam satu hadis Rasulullah S.A.W telah bersabda:

وَلَا يُجْمَعُ بَيْنَ مُتَفَرِّقٍ وَلَا يُفَرَّقُ بَيْنَ مُجْتَمِعٍ خَشْيَةَ الصَّدَقَةِ

Maksudnya: “Tidak dihimpunkan antara yang berpisah dan tidak dipisahkan antara yang berhimpun kerana takut mengeluarkan zakat.”

(Riwayat Ibn Majah)

Di sini dapat disimpulkan bahawa beberapa individu yang berada dalam satu syarikat atau perkumpulan maka dianggap satu, tanpa dipisah-pisahkan antara satu sama lain.

- (b) Di dalam hadis lain dinyatakan bahawa Rasulullah S.A.W bersabda:

عَنْ سَمُرَةَ قَالَ: إِنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَأْمُرُنَا أَنْ نُخْرِجَ الصَّدَقَةَ مِنَ الَّذِي نَعِدُّ لِلْبَيْعِ
(رواه ابو داود)

- 3.2 Apabila sebuah syarikat atau firma ditubuhkan dengan akad dan niat untuk menjalankan perniagaan, maka syarikat tersebut dikenakan zakat syarikat. Ini tertakluk kepada syarat-syarat zakat perniagaan yang dikenakan kepada orang perseorangan iaitu dengan kadar 2.5%.

Status: Warta

Tarikh Warta: 28 Ogos 2003

DATO' SETIA HAJI MOHD TAMYES BIN ABD. WAHID

Pengerusi Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (FATWA) Negeri Selangor